



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
MALAYSIA**

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA



1. LATAR BELAKANG

- a) Program Pengalaman Homestay Malaysia telah dilancarkan pada tahun 1995 di Temerloh, Pahang. Program ini merupakan sebuah inisiatif di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar di dalam sektor pelancongan.
- b) Homestay yang berdaftar di bawah program ini tidak terhad kepada perkhidmatan lojing sahaja seperti premis penginapan pelancongan yang lain tetapi turut mengambil kira aktiviti-aktiviti pelancongan berasaskan komuniti seperti sukan rakyat, acara kebudayaan, rewang, perayaan dan sebagainya. Oleh itu, premis penginapan yang ditawarkan merupakan rumah kediaman masyarakat luar bandar itu sendiri yang kebanyakannya adalah rumah-rumah tradisional yang memberikan pengalaman unik kepada pelancong untuk tinggal bersama keluarga tuan rumah dan berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup seharian dan kebudayaan masyarakat kampung.
- c) Program ini merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha homestay yang telah berdaftar dengan MOTAC. Para pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup seharian masyarakat kampung dan kebudayaan mereka. Konsep utama yang ditekankan bagi produk ini adalah lebih kepada produk pelancongan *lifestyle* atau yang berunsurkan pengalaman.
- d) Penyertaan adalah berdasarkan kesediaan secara sukarela serta minat masyarakat sesebuah kampung untuk menyertai program homestay Malaysia.

2. OBJEKTIF

- a) Objektif utama pelaksanaan Program Pengalaman Homestay Malaysia adalah untuk memenuhi kehendak dua kumpulan sasaran iaitu:
 - (i) masyarakat kampung:
 - berkongsi manfaat daripada sektor pelancongan kepada semua lapisan masyarakat dengan menggalakkan penyertaan penduduk luar bandar di dalam industri pelancongan;
 - meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat kampung di mana kekayaan daripada industri pelancongan dapat dinikmati bersama oleh semua lapisan masyarakat; dan
 - melahirkan usahawan pelancongan di kalangan masyarakat kampung.

- (ii) para pelancong:
- menyediakan pengalaman unik kepada para pelancong yang berminat untuk mengalami kehidupan serta kebudayaan masyarakat kampung; dan
 - mewujudkan produk pelancongan hospitaliti kampung dengan harga yang kompetitif dan bertaraf antarabangsa.

3. GARIS PANDUAN PENDAFTARAN

A) Syarat Asas

- a) Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia sahaja.
- b) Berkeluarga dan tinggal di luar bandar.
- c) Menetap di suatu kediaman rumah yang tetap di kawasan luar bandar mengikut takrifan seperti di **LAMPIRAN A**.
- d) Syarat-syarat bagi kluster Program Pengalaman Homestay adalah seperti berikut:
 - (i) harus mempunyai sekurang-kurangnya **10 buah rumah** bagi setiap kluster homestay;
 - (ii) bagi rumah panjang, harus mempunyai sekurang-kurangnya **10 unit rumah** di dalam sesebuah **kluster rumah panjang** berkenaan;
 - (iii) **maksimum 4 buah bilik** sahaja disediakan oleh seorang tuan rumah kepada pelancong;
 - (iv) mempunyai kemudahsampaian dari segi perhubungan dan pengangkutan;
 - (v) menjaga tahap kebersihan rumah kediaman dan kawasan persekitaran kampung;
 - (vi) menjaga keselamatan pelancong sepanjang penglibatan;
 - (vii) menawarkan dan melibatkan pelancong dalam aktiviti-aktiviti masyarakat kampung seperti menoreh getah, sawah padi, memancing, memetik koko, kelapa dan sebagainya; dan
 - (viii) menawarkan dan melibatkan pelancong dalam permainan sukan tradisional dan kebudayaan seperti congkak, sepak raga, caklempung, tarian rakyat dan sebagainya.

B) Tatacara Pendaftaran

- a) Sebelum berdaftar dengan MOTAC, pemohon perlu :
 - Mengemukakan Borang Permohonan Pendaftaran Homestay;
 - Mengemukakan profil kampung;
 - Pemeriksaan rumah homestay oleh MOTAC Negeri dan panel pemeriksa seperti Jabatan Kesihatan, Tourism Malaysia, Jawatankuasa Keselamatan dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Persatuan Homestay Negeri;
- b) Pemakluman keputusan akan dikeluarkan pada hari terakhir pemeriksaan;
- c) Selepas lulus pemeriksaan oleh panel pemeriksa, setiap pengusaha homestay perlu menghadiri Kursus Asas Homestay anjuran Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) atau MOTAC Negeri:
 - Pengusaha yang lulus pemeriksaan **DIWAJIBKAN** menghadiri kursus asas ini dengan **SEGERA**.
- d) Pihak MOTAC akan membuat pemeriksaan rumah setiap 3 tahun sekali.
- e) Carta alir proses pendaftaran homestay adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

C) Dokumen Pendaftaran (untuk tindakan MOTAC Negeri sahaja)

- a) Mengemukakan Borang Permohonan Pendaftaran Homestay – BORANG MOTAC/HP 1;
- b) Mengemukakan profil kampung;
- c) Pemakluman keputusan pemeriksaan;
- d) Borang Pemeriksaan Homestay beserta gambar; dan
- e) Salinan sijil Kursus Asas Homestay.;

D) Buku Panduan Pengendalian Homestay

a) Sila rujuk Buku Panduan Pengendalian Homestay MOTAC untuk mengetahui :

- Panduan Penjagaan Rumah;
- Pengendalian Makanan dan Minuman;
- Keselamatan;
- Pemasaran;
- Homestay Go Green;
- Perkara digalakkan (Do's); dan
- Perkara yang dilarang (Dont's).

4. PEMATUHAN AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992 DAN PERATURAN-PERATURAN.

- a) Pengusaha homestay hendaklah bekerjasama dengan Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan peraturan-peraturan.
- b) Syarikat TOBTAB hendaklah berurusan dengan pengusaha homestay yang telah didaftarkan dengan MOTAC.

5. KEPERLUAN INSURANS

- a) Perlindungan insurans hendaklah diuruskan oleh syarikat TOBTAB bagi pakej berkumpulan.
- b) Perlindungan insurans boleh merangkumi kematian, kecederaan dan kehilangan barangan peribadi.
- c) Perlindungan insurans hendaklah diuruskan pengurusan homestay bagi pelancong perseorangan (FIT) atau mengisi surat akuan bahawasanya mereka tidak akan menuntut sebarang pampasan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.

6. SURAT MENYURAT

Borang dan dokumen permohonan Homestay hendaklah dihantar ke Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia mengikut Negeri masing-masing seperti di **LAMPIRAN C.**

7. PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENDAFTARAN

20 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

8. TARIKH KUATKUASA

20 Jun 2019

Bahagian Pembangunan Industri
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Catatan : Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada penambahbaikan dari semasa ke semasa.

DEFINISI LUAR BANDAR

Homestay hendaklah berada di kawasan desa yang merupakan kawasan selain daripada kawasan bandar. Ia merupakan penempatan yang meliputi semua jenis kampung, penempatan kecil dan bercirikan kawasan pertanian serta kawasan sumber alam semulajadi.

Kawasan desa adalah meliputi semua jenis kampung, penempatan kecil yang tinggal secara berkelompok, sejajar dan bertaburan seperti kampung tradisi, kampung FELDA, kampung FELCRA, kampung orang asli, penempatan ladang dan kampung-kampung baru.


Ciri ciri kawasan desa adalah meliputi kawasan petempatan yang mempunyai:

- i. Corak petempatan sama ada berkelompok, berpusat, berjajar atau berselerak;
- ii. Asas ekonomi desa berasaskan kepada aktiviti pertanian, perikanan, industri desa dan produk semulajadi; dan
- iii. Aktiviti sosial budaya desa termasuk organisasi/jawatankuasa desa, institusi kekeluargaan, aktiviti kemasyarakatan dan kebudayaan.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, Banci Penduduk dan Perumahan 2010

LAMPIRAN B

Carta alir bagi proses pendaftaran Program Pengalaman Homestay Malaysia:



Catatan :

- Pemeriksaan semula akan dilaksanakan selepas penambahbaikan dibuat oleh peserta.

LAMPIRAN C

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Perlis

No.51 & 53, Persiaran Putra Timur

02000 KUALA PERLIS

PERLIS

Tel : 04-985 3701

Faks : 04-985 2373

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Kedah

Kompleks Pelancongan Negeri Kedah

Seksyen 20, Jalan Raja

05000 ALOR SETAR

KEDAH DARUL AMAN

Tel : 04-735 1030 / 732 8296 / 730 8794

Faks : 04-732 7914 / 04-732 7614

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pulau Pinang

No.11 Lebuhr Pantai,

10300 George Town

PULAU PINANG

Tel: 04-2620202

Faks: 04-2631020

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Perak

No.7 & 9, Jalan Medan Istana 3, Bandar Ipoh Raya

30000 IPOH

PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : 05-255 0413 / 05-255 0414

Faks : 05-253 6027

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Selangor

Aras 15-03, Wisma Sunwaymas

Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C

Seksyen 9

40000 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5511 1122 / 5510 8816

Faks : 03-5513 1199 / 5513 1399

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Melaka

Aras 1, Kompleks Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
Lebuh Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel : 06-231 8200

Faks : 06-231 1400

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sembilan

No.19, Jalan Durian Emas 3

Betaria Business Complex

Jalan Dato' Siamang Gagap

70400 SEREMBAN

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-765 9870 / 9871 / 9869 / 9818

Faks : 06-762 8540

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Johor

Aras 2 Kiri, Wisma PERKESO

Jalan Susur 5 Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,

80200 Johor Bahru

JOHOR DARUL TAKZIM

Telefon : 07- 2233 171

Faks : 07- 2263 171

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Kelantan

Kampung Kraf tangan, Jalan Hilir Balai

15300 KOTA BHARU

KELANTAN DARUL NAIM

Tel : 09-741 2400

Faks : 09-744 6672

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Terengganu

Lot 5116 & 5117 (Hadapan Istana)

Jalan Masjid Abidin

20100 KUALA TERENGGANU

TERENGGANU DARUL IMAN

Tel: 09-626 2946 / 4946 /631 8840 /8839

Faks : 09-626 1946

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pahang

B 8006, Tingkat 1-3

Seri Kuantan Square

Jalan Teluk Sisek

25000 KUANTAN

PAHANG DARUL MAKMUR

Tel : 09-517 1111/09-517 1112

Faks : 09-514 6900

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sarawak

Aras 3, Bangunan Sultan Iskandar

Jalan Simpang Tiga

93300 KUCHING

SARAWAK

Tel : 082-235 033

Faks : 082-234 010

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sabah

Lot 2-5-8,9,10,11 dan 24

Tingkat 4, Wisma San Hin Wawasan Plaza

Lorong Wawasan Plaza

88000 KOTA KINABALU

SABAH

Tel : 088-269 711/712/710

Faks : 088-269 713

Pengarah

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia WP Labuan

Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

Peti Surat 80753

87008 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Tel : 087-422 600

Faks : 087-419 622